

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
ADValue

JKKK didik wanita jaga kesihatan
10 Aug 2009
Sinar Harian
Selangor & KL
N/A
Daily
1,832

Language
Page No
Article Size
Color
PRValue

Malay
S18
333 cm²
Full Color
5,495



● Sebahagian pengunjung yang hadir tidak melepaskan peluang mendengar ceramah berkaitan HIV dan Prostar.

JKKK didik wanita jaga kesihatan

MERU - Golongan wanita harus memupuk kesedaran mengenai pentingnya menjaga kesihatan serta membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi memastikan diri mereka bebas dari belunggu penyakit berbahaya.

Kebanyakan wanita di negara ini kini terdedah kepada penyakit yang boleh menjejaskan kualiti hidup mereka seperti kanser payudara, kanser serviks serta penyakit yang wujud akibat tabiat pemakanan dan cara hidup kurang sihat seperti sakit jantung, kencing manis serta darah tinggi.

Isteri kepada Ahli Dewan Negeri (ADUN) Meru, Afidah Hanum Moghni berkata, masih ramai golongan wanita yang masih belum sedar tentang kepentingan membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Katanya, penjagaan kesihatan bukan sahaja tertumpu kepada kesihatan diri mereka sahaja malah ia juga merangkumi kesihatan keluarga secara keseluruhan selain mengamalkan tabiat pemakanan seimbang dan gaya hidup sihat.

"Seisi keluarga harus

sedar akan pentingnya penjagaan kesihatan kerana ia adalah satu faktor yang mempengaruhi keharmonian dan kualiti kehidupan sesebuah keluarga, maka kaum ibu dan bapa harus mengambil berat perkara ini.

"Anak-anak juga harus diberi pendidikan dan kesedaran untuk menjaga kesihatan agar mereka juga dapat mengamalkan gaya hidup sihat selain mengajak remaja kita menjauhi perkara yang boleh menjejaskan kesihatan serta masa depan mereka seperti penagihan dadah serta seks bebas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian program Kempen Kesihatan Wanita anjuran Biro Wanita Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bukit Kapar dengan kerjasama Pejabat Kesihatan daerah Klang di sini.

Menurut Afidah, kebanyakan masyarakat masih bersikap mengambil mudah hal penjagaan kesihatan keluarga dan tidak menyedari dalam keadaan usia yang semakin meningkat, mereka berhadapan dengan pelbagai

risiko penyakit.

"Program seperti ini satu langkah baik dalam usaha memberi pengetahuan serta kesedaran kepada orang ramai agar memberi penekanan aspek kesihatan diri dan keluarga dalam kehidupan seharian.

"Program sebegini perlu diperbanyakkan kerana dalam keadaan dunia moden sekarang, pelbagai jenis penyakit berbahaya juga semakin banyak dikesan dan menjadi satu ancaman kepada kehidupan manusia sejagat," katanya lagi.

Pelbagai aktiviti diadakan pada program itu termasuk senamrobik yang disertai kaum ibu dan warga emas, pemeriksaan kesihatan percuma, pertandingan warna, peraduan ibu anggun serta pameran kesihatan.

Pengunjung yang hadir turut berpeluang mengikuti ceramah penerangan mengenai HIV serta ceramah Program Sihat Tanpa Aids untuk Remaja atau Prostar yang disampaikan Pegawai Kesihatan Daerah Klang, Dr Saodah Sharom.

**bebas
belunggu**